

LHDNM: PEMBAYAR CUKAI ADA HAK MERAYU KE ATAS TAKSIRAN CUKAI YANG DIBANGKITKAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya bersesuaian dengan moto perkhidmatan LHDNM. Sehubungan itu, objektif LHDNM untuk melaksanakan sistem percukaian yang berkesan, adil dan saksama turut memberi ruang kepada pembayar cukai membuat rayuan sekaligus menyemak semula cukai yang telah dibangkitkan sama ada oleh LHDNM atau ditaksir sendiri oleh pembayar cukai sekiranya mereka tidak berpuas hati atas cukai yang dikenakan.

Walau bagaimanapun, rayuan yang dikemukakan masih tertakluk kepada alasan, justifikasi yang dikemukakan dan peruntukan undang-undang percukaian yang sedang berkuatkuasa.

Siapa yang boleh membuat rayuan?

Rayuan boleh dibuat oleh mana-mana pembayar cukai sama ada individu mahupun syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi. Bagi rayuan oleh syarikat dan perkongsian liabiliti terhad, rayuan hendaklah dibuat oleh orang yang diberi kuasa di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 untuk memasukkan rayuan bagi pihak syarikat dan perkongsian liabiliti terhad tersebut. Berhubung perkongsian pula, hanya satu rayuan yang perlu dikemukakan jika isu pertikaian adalah sama bagi setiap ahli kongsi. Apa jua keputusan berhubung rayuan yang dimasukkan adalah terpakai kepada semua ahli kongsi dalam perkongsian tersebut.

Mulai Tahun Taksiran 2019, jika taksiran dibangkitkan oleh LHDNM terhadap suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi atas kegagalan mengemukakan Borang Nyata (BN), rayuan terhadap taksiran itu hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan BN berkenaan.

Bilakah rayuan cukai boleh dibuat?

Rayuan cukai boleh dibuat sekiranya pembayar cukai tidak berpuas hati dengan taksiran apabila berlaku situasi-situasi seperti:


- Pelepasan cukai tidak diberikan dengan sewajarnya
- Terlupa untuk menuntut apa-apa bayaran dan perbelanjaan tertentu
- Tidak berpuas hati dengan taksiran pendapatan oleh LHDNM

Rayuan dalam tempoh 30 hari

Sekiranya pembayar cukai tidak berpuas hati dengan taksiran yang dibangkitkan, rayuan boleh dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Notis Taksiran diterima daripada pihak LHDNM.

Rayuan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Q yang boleh dimuat turun dan dicetak daripada Portal Rasmi LHDNM di alamat <http://www.hasil.gov.my>. Borang Q yang lengkap berserta dengan alasan yang kukuh hendaklah dikemukakan ke Jabatan atau cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pembayar cukai melalui janji temu secara dalam talian terlebih dahulu di <https://janjitemu.hasil.gov.my/>.

(CP 14-Pin. 1/2006)



MALAYSIA
CUKAI PENDAPATAN
(Borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967)

BORANG

Q

NOTIS RAYUAN KEPADA PESURUHJAYA KHAS
CUKAI PENDAPATAN
(Seksyen 99(1) Akta Cukai Pendapatan 1967)

Kepada: Daripada :

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
.....
.....

No. Fail :

Saya.....tidak berpuashati dengan :

i. taksiran / taksiran tambahan * bertarikhmenunjukkan RM.....sebagai cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran
atau

ii. pemberitahuan tidak kena cukai bertarikh..... bagi tahun taksiran

yang notis mengenainya telah disampaikan kepada saya pada..... merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan atas alasan-alasan berikut :

Tarikh: Tandatangan

.....
Jawatan

CATATAN:

- i. Notis rayuan berasingan hendaklah diberi bagi tiap-tiap tahun taksiran
- ii. Notis ini hendaklah dihantar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri di alamat yang ditunjukkan pada notis taksiran atau pemberitahuan tidak kena cukai.
- iii. Sila nyatakan alasan rayuan dengan jelas dan terperinci.

* potong yang tidak berkenaan

Rayuan cukai dibuat menggunakan Borang Q yang dimuat turun dan dicetak daripada Portal Rasmi LHDNM

Pembayar cukai perlu melengkapkan Borang Q dengan mengemukakan maklumat seperti tarikh, amaun cukai yang kena dibayar berdasarkan kepada Notis Taksiran yang dipertikaikan, alasan rayuan secara terperinci dan maklumat lain yang diperlukan. Pastikan alasan tersebut disertakan dengan bukti atau dokumen sebagai justifikasi terhadap rayuan seperti lejar akaun, inbois jualan atau apa sahaja dokumen yang berkaitan dengan isu yang dipertikaikan. Borang Q yang telah lengkap diisi juga perlu ditandatangani oleh pembayar cukai sendiri dan bukan mana-mana pihak yang mewakili pembayar cukai. Sekiranya Borang Q ini tidak lengkap, LHDNM tidak akan menerima Borang Q tersebut dan ia akan dikembalikan kepada pembayar cukai.

Bagaimana sekiranya tempoh 30 hari tidak mencukupi?

Sekiranya terdapat kelewatan dalam memasukkan rayuan, pembayar cukai juga diberikan kesempatan untuk membuat permohonan pelanjutan tempoh masa untuk membuat rayuan dengan mengemukakan permohonan pelanjutan masa melalui Borang N yang boleh dimuat turun dan dicetak daripada Portal Rasmi LHDNM. Pembayar cukai perlu mengemukakan alasan dan justifikasi yang kukuh bagi permohonan pelanjutan tempoh masa untuk membuat rayuan ini. Sekiranya permohonan pelanjutan tempoh masa dibenarkan, pembayar cukai akan diarahkan untuk memasukkan permohonan melalui Borang Q dalam tempoh baharu yang ditetapkan.



**MALAYSIA
CUKAI PENDAPATAN**
(Borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967)

BORANG

N

**PERMOHONAN UNTUK LANJUTAN TEMPOH BAGI
MEMBUAT RAYUAN
KEPADA PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN**

(Seksyen 100(1) Akta Cukai Pendapatan 1967)

Kepada: Daripada :
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
.....
.....
.....
No. Fail :

Saya memohon supaya dilanjutkan tempoh memberi notis rayuan terhadap :

i. taksiran / taksiran tambahan * bertarikhmenunjukkan RM.....sebagai cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran
atau

ii. pemberitahuan tidak kena cukai bertarikh.....bagi tahun taksiran

yang notis mengenainya telah disampaikan kepada saya pada.....

Permohonan ini dibuat atas alasan-alasan berikut :

Tarikh:

.....
Tandatangan
.....
Jawatan

Permohonan ini hendaklah dihantar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di alamat yang ditunjukkan pada notis taksiran atau pemberitahuan tidak kena cukai.

* potong yang tidak berkenaan

Pembayar cukai boleh mengemukakan permohonan pelanjutan masa melalui Borang N

Semakan semula dalam tempoh 12 bulan

Semakan semula taksiran oleh LHDNM berdasarkan rayuan yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh penerimaan rayuan. Walau bagaimanapun, pelanjutan masa masih boleh diberikan oleh Menteri Kewangan kepada satu tempoh tidak lebih daripada 6 bulan selepas tamatnya tempoh asal 12 bulan tersebut atas permohonan pihak LHDNM sekiranya perlu.

LHDNM akan membuat semakan semula ke atas taksiran tersebut dimana taksiran mungkin boleh dikurangkan atau mungkin juga tidak dikenakan cukai. Walau bagaimanapun, sebarang keputusan rayuan adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang berkaitan. Dalam tempoh semakan semula ini juga, sekiranya terdapat pertikaian berhubung pendirian LHDNM bagi pengiraan atau semasa mengisytiharkan pendapatan atau pelepasan yang

mana pembayar cukai perlu memberikan penjelasan, pembayar cukai masih boleh memohon untuk diadakan satu sesi perbincangan atau prosiding pendengaran berhubung pertikaian tersebut bersama-sama dengan pihak LHDNM. Di dalam prosiding ini, pembayar cukai akan dibenarkan untuk mengemukakan asas dan justifikasi rayuan untuk tujuan semakan semula oleh pihak LHDNM. Prosiding ini merupakan satu prosiding bebas bagi membuat penilaian semula keputusan LHDNM. Sekiranya tiada persetujuan dicapai melalui prosiding ini, rayuan pembayar cukai akan dikemukakan ke Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan untuk diputuskan.

Rayuan terhadap taksiran sendiri (*self-assessment*)

Sekiranya pembayar cukai mendapati terdapat kesilapan dalam pemfailan BNCP yang mana terdapat peninggalan atau keciciran tuntutan perbelanjaan yang layak dituntut, permohonan relif boleh dikemukakan sama ada melalui surat atau Borang CP15C dengan menyatakan alasan-alasan terperinci berkaitan dengan permohonan tersebut. Borang CP15C ini boleh dimuat turun dan dicetak daripada Portal Rasmi LHDNM. Sekiranya permohonan relif ini diluluskan, taksiran akan dipinda. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan relif ini tidak dapat dipertimbangkan oleh pihak LHDNM, pembayar masih boleh meminta agar permohonan relif ini dikemukakan untuk diputuskan oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Kesimpulan

Hak yang diberikan kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan ke atas taksiran yang telah dibangkitkan ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai sistem percukaian yang adil dan saksama. Ini sudah pasti memberi kesan positif kepada pembayar cukai untuk sentiasa patuh membayar cukai sebagai sumbangan mereka kepada pembangunan negara. LHDNM sentiasa menghargai kerjasama baik yang diberikan oleh pembayar cukai yang mana ia dilihat menguntungkan kedua-dua pihak. Penerangan lanjut berhubung rayuan cukai ini boleh dirujuk dalam Ketetapan Umum No.7/2020 melalui Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Perundangan > Ketetapan Umum.

Dikemaskini oleh:
Seksyen Penerbitan dan Publisiti
Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
nnas/artikel2021